

18/02/1998

Croatia laluan tembusi pasaran Eropah Timur

Noor Jaafar

PELABUR Malaysia boleh menjadikan Croatia pintu masuk untuk menembusi pasaran Eropah Timur sebagaimana yang dilakukan pelabur negara itu di rantau berkenaan.

Duta Besar Croatia, Damir Perincic, berkata Croatia boleh menyediakan kemudahan yang diperlukan pelabur Malaysia, termasuk infrastruktur moden dan tenaga mahir.

Menurutnya, antara sektor yang boleh diceburi pelabur negara ini ialah pembinaan, perumahan, kewangan, telekomunikasi dan perkapalan.

"Saya dapati sektor pelancongan juga berpotensi untuk diceburi. Croatia yang berpengalaman lebih 100 tahun dalam bidang pelancongan boleh menyediakan kepakaran dalam bidang berkenaan," katanya selepas menemui Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di Seri Iman dan Sultan Terengganu di Istana Badariah, Kuala Terengganu, semalam.

Perincic berkata, industri pelancongan menyumbang pendapatan negara kira-kira AS\$7 bilion (RM26.6 bilion) setahun sebelum negara itu dilanda peperangan.

"Bagaimanapun dalam peringkat peralihan selepas peperangan, pelancong mula mengunjungi Croatia dan untuk beberapa tahun akan datang, kita terpaksa bekerja keras supaya hasil negara bagi industri pelancongan meningkat dan mencapai AS\$20 bilion (RM76 bilion) setahun," katanya.

Beliau berkata, matlamat itu boleh dicapai kerana Croatia sudah mengubah sistem kepada pasaran ekonomi terbuka dan mengamalkan dasar penswastaan, terutama di Zagreb sejak 1991.

Menurutnya, dengan ada penerbangan terus di antara Kuala Lumpur dan Zagreb, ia memudahkan urusan pelaburan dan pelancong di antara kedua-dua negara itu.

Perincic berkata, Croatia juga menggalakkan pelaburnya menceburi pelaburan di negara ini dan Asean.

Beliau berkata, hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Croatia dikatakan semakin erat kebelakangan ini, sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan rasmi ke negara itu.

Katanya, nilai dagangan juga meningkat daripada AS\$5.12 juta (RM12.8 juta) pada 1994 kepada AS\$6.31 juta pada 1995 dan AS\$10 juta tahun lalu iaitu seimbang dengan jumlah dagangan negara ini.

(END)